

Headline **Cloud pertama negara Ogos**
Date **02 Jul 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **Fairus Kassim**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **18**
Article Size **444 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,775**
PRValue **26,326**



Pengguna boleh akses pelbagai sumber pelayan secara bersepadu

Cloud pertama negara Ogos

Oleh **FAIRUS KASSIM**
bisnes.utusan@gmail.com

KUALA LUMPUR 1 Julai - Pembekal peralatan teknologi maklumat, VADS Bhd. (VADS) akan melancarkan sistem jaringan komputer *Cloud* pertama negara pada Ogos depan.

Cloud computing merupakan sistem komputer yang membolehkan pengguna mengakses kepada pelbagai sumber pelayan secara bersepadu melalui pelbagai rangkaian media digital pada satu-satu masa.

VADS yang merupakan anak syarikat Telekom Malaysia Bhd. (TM) telah bekerjasama dengan MIMOS bagi membangunkan sistem berkenaan yang bercirikan sumber terbuka.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ghazali Omar berkata, sistem terharu ini membolehkan VADS menawarkan gabungan perkhidmatan *Cloud* yang komprehensif untuk kegunaan agensi kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan peniaga kecil.

Katanya, kerjasama dengan MIMOS merupakan projek fasa satu VADS dalam usaha membangunkan platform *Cloud* di Malaysia dan sebanyak RM6 juta telah dilaburkan untuk itu.

"Fasa dua melibatkan pembangunan perisian dan aplikasi sistem *Cloud* akan diumumkan dua minggu lagi. Kami akan bekerjasama dengan sebuah syarikat terkemuka dunia dalam fasa berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara VADS dengan MIMOS di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi VADS, Datuk Seri Zamzamzairani Mohd Isa, Pengerusi MIMOS, Datuk Suria Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Ghazali berkata, nilai pasaran bagi sistem *Cloud* dijangka meningkat kepada RM250 juta pada 2014 berbanding RM50 juta hingga RM100 juta ketika ini.

"VADS merancang untuk menjadi peneraju pembekal sistem berkenaan di Malaysia selepas ini dan berkembang kepada pemain di rantau ini pada masa depan.

"TM mempunyai infrastruktur yang lengkap dalam sistem komunikasi dan ini menjadikan VADS mempunyai kelebihan dalam aspek kesempurnaan perkhidmatan *Cloud* berbanding pesaing," jelasnya.

Sementara itu, Abdul Wahab berkata, sistem *Cloud* baharu tersebut menggunakan sistem sumber terbuka dan ini memberi kelebihan kepada pelanggan yang berkala kecil untuk menjimatkan kos operasi mereka.

"Sistem *Cloud* direka khas untuk pengguna di Malaysia dan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih sendiri perisian dan aplikasi sendiri tanpa terikat dengan pembekal sistem tunggal sahaja.

"Projek ini merupakan perintis kepada MIMOS bagi menghasilkan produk yang lebih berkualiti. Status sistem ini masih di peringkat ujian ketika ini bagi memperoleh maklumat lanjut," ujarinya.



ZAMZAMZAIRANI Mohd. Isa (dua dari kanan) meneliti dokumen perjanjian sambil diperhatikan oleh Suria Abdul Rahman (dua dari kanan), Ghazali Omar (kanan) dan Abdul Wahab Abdullah pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara VADS dengan MIMOS, semalam.